

# PANDUAN TEKNIKAL

**PANDUAN PERMOHONAN  
LESEN KELAS D BAGI AKTIVITI  
PENGANGKUTAN BAHAN  
RADIOAKTIF, BAHAN  
NUKLEAR, ATAU BENDA  
DITETAPKAN**



Lembaga Perlesenan Tenaga Atom  
Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi  
Batu 24, Jalan Dengkil, 43800 Dengkil Selangor Darul Ehsan

Tel: 03-8922 5888  
Fax: 03-8922 3685  
Laman Web: <http://www.aelb.gov.my>

## Kandungan

## Muka surat

1.0	TUJUAN .....	3
2.0	SKOP .....	3
3.0	TAFSIRAN .....	3
4.0	SINGKATAN.....	3
5.0	LATAR BELAKANG .....	4
6.0	KEPERLUAN UNTUK MENDAPATKAN LESEN.....	5
7.0	PENUTUP .....	6
8.0	REKOD DOKUMEN .....	6
9.0	RUJUKAN.....	6
	LAMPIRAN 1 .....	7

## 1.0 TUJUAN

- 1.1. Dokumen ini disediakan bertujuan untuk memberi panduan berkenaan prosedur permohonan lesen Kelas D bagi aktiviti mengangkut bahan radioaktif, bahan nuklear, atau benda ditetapkan.

## 2.0 SKOP

- 2.1. Dokumen ini hanya terpakai bagi permohonan lesen Kelas D bagi aktiviti mengangkut:-
  - i. Bahan radioaktif;
  - ii. Bahan nuklear; atau
  - iii. Benda ditetapkan.

## 3.0 TAFSIRAN

- 3.1. Dalam panduan ini, melainkan jika konteksnya mengkehendaki makna yang lain:
  - i. **“bahan radioaktif”** ertinya apa-apa bahan api nuklear, hasil radioaktif atau sisa radioaktif;
  - ii. **“sisa radioaktif”** ertinya apa-apa sisa yang mengandungi kesemua atau sebahagian daripada;
    - (a) benda atau barang yang jika ianya bukan sisa dikira bahan radioaktif; atau
    - (b) benda atau barang yang telah tercemar semasa mana-mana bahan radioaktif, bahan nuklear atau benda ditetapkan dibuat, disimpan atau digunakan, atau telah tercemar dengan ter- sentuh atau berdekatan dengan apa- apa-apa sisa lain dalam erti perenggan (a) takrif ini; dan
  - iii. **“bahan nuklear”** ertinya bahan api nuklear atau bahan-bahan lain yang digunakan bagi membuat bahan api nuklear.

## 4.0 SINGKATAN

4.1 Dalam panduan ini, singkatan perkataan yang dimaksudkan adalah seperti berikut:-

- i. **AELB** : Lembaga Perlesenan Tenaga Atom
- ii. **PPS** : Pegawai Perlindungan Sinaran
- iii. **eLesen** : Sistem atas talian bagi permohonan lesen dengan AELB

## 5.0 LATAR BELAKANG

5.1. Pada 31 Januari 2011, jabatan akan diberikan kepada orang yang berhasrat menjalankan aktiviti pengangkutan<sup>1</sup> tanpa mengira sama ada aktiviti pengangkutan dijalankan bagi pihak pemegang lesen lain atau mengangkut bagi pihak diri sendiri.

5.2. Sebagai contoh, sekiranya pemohon memohon untuk menjalankan aktiviti radiografi industri melibatkan bahan radioaktif di mana aktiviti mengangkut bagi pihak diri sendiri diperlukan, pemohon dikehendaki untuk memohon lesen Kelas A dan D.

5.3. Di samping itu, penstoran semasa transit yang berlaku sewaktu aktiviti pengangkutan melibatkan bahan radioaktif, bahan nuklear atau benda ditetapkan juga tertakluk di bawah aktiviti pengangkutan<sup>1</sup> seperti mana tafsiran yang ditetapkan di bawah Peraturan-peraturan Perlindungan Sinaran (Pengangkutan) 1989 [P.U. (A) 456/89]. Sebagai contoh, syarikat atau mana-mana orang yang melakukan penstoran semasa transit bahan radioaktif, bahan nuklear atau benda ditetapkan di kawasan transit, bangunan terminal, bilik stor atau kawasan pengumpulan di lapangan terbang atau pelabuhan adalah

---

<sup>1</sup> **“pengangkutan”** ertinya semua kendalian dan keadaan yang berkaitan dengan dan terlibat dalam pergerakan bahan radioaktif, bahan nuklear atau benda ditetapkan, termasuk penyediaan, pengkonsainan, pengendalian, penghantaran, penstoran semasa transit dan penerimaan di destinasi akhir sesuatu bungkusan.

tertakluk di bawah aktiviti pengangkutan dan dikehendaki untuk memohon lesen Kelas D.

## **6.0 KEPERLUAN UNTUK MENDAPATKAN LESEN**

- 6.1. Pemohon yang ingin memohon lesen kelas D hendaklah merujuk kepada bahan panduan LEM/TEK 1 bertajuk “Panduan Umum Bagi Mendapatkan Lesen daripada Lembaga Perlesenan Tenaga Atom” untuk membuat permohonan lesen. Senarai semak keperluan bagi permohonan lesen kelas D untuk skop dokumen ini adalah seperti di **Lampiran 1**.
- 6.2. Pemohon hendaklah mengemukakan permohonan secara atas talian melalui sistem eLesen bagi mendapatkan lesen Kelas D jika berhasrat untuk menjalankan aktiviti pengangkutan.
- 6.3. Pemohon hendaklah membayar fi permohonan kepada AELB sebanyak RM15 bagi setiap kelas lesen bagi setiap permohonan sebelum mengemukakan permohonan secara atas talian. Sekiranya permohonan diluluskan, pemohon hendaklah menjelaskan bayaran fi lesen yang dikenakan sebelum lesen yang sah dikeluarkan oleh AELB. Bayaran fi yang dikenakan bagi kelas D melibatkan aktiviti mengangkut bahan radioaktif, bahan nuklear, atau benda ditetapkan adalah sebanyak **RM100 setahun** sepertimana yang ditetapkan dalam Peraturan-peraturan Perlindungan Sinaran (Perlesenan) 1986.
- 6.4. Selain itu, pemohon juga tertakluk kepada apa-apa peruntukan undang-undang yang dikuatkuasa oleh pihak berkuasa berkenaan yang berkaitan.

## 7.0 PENUTUP

- 7.1. Dokumen ini adalah tertakluk kepada pindaan dan arahan yang dikeluarkan oleh AELB dari semasa ke semasa. Sekiranya terdapat sebarang pertanyaan mengenai panduan ini, pemohon/pemegang lesen boleh berhubung dengan AELB menggunakan alamat di bawah:

Unit Komunikasi Korporat (UKK)  
Lembaga Perlesenan Tenaga Atom  
Batu 24, Jalan Dengkil, 43800 Dengkil, Selangor Darul Ehsan.  
Telefon: 03-8922 5888 Faks: 03-8922 3685  
Emel: [corporate@aelb.gov.my](mailto:corporate@aelb.gov.my)

## 8.0 REKOD DOKUMEN

Tarikh Terimapakai	Status semakan	Penyedia
Disember 1999	0	Bahagian Perlesenan
24 November 2020	1	a) Pn. Lim Ai Phing b) Pn. Sharmilah Binti Sahat

## 9.0 RUJUKAN

- 9.1. Akta Perlesenan Tenaga Atom 1984 [Akta 304]
- 9.2. Peraturan-peraturan Perlindungan Sinaran (Perlesenan) 1986 [P.U. (A) 149]
- 9.3. Peraturan-peraturan Perlindungan Sinaran (Pengangkutan) 1989 [P.U. (A) 456/89]
- 9.4. Peraturan-Perlesenan Tenaga Atom (Perlindungan Sinaran Keselamatan Asas) 2010 [P.U. (A) 46]

## LAMPIRAN 1

### SENARAI SEMAK PERMOHONAN LESEN KELAS D BAGI AKTIVITI MENGANGKUT

Bil.	Perkara / Maklumat	Jenis Permohonan Lesen		
		Baru	Pinda	Baharu
<b>MAKLUMAT UMUM UNTUK PERMOHONAN LESEN</b>				
<b>A. Organisasi dan Pengurusan</b>				
1.	Permohonan lesen menggunakan perkhidmatan atas talian di <a href="http://elesen.aelb.gov.my">http://elesen.aelb.gov.my</a>	/	/	/
2.	Butir-butir syarikat iaitu nama, nombor telefon, nombor faks, alamat surat-menyurat dan alamat premis	/	/	/
3.	Orang yang Bertanggungjawab Terhadap Lesen (OBTL) [sila sertakan Borang 49 yang disahkan benar oleh Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM).] Sekiranya bukan Ahli Lembaga Pengarah maka surat perlantikan hendaklah ditandatangani oleh salah seorang ahli Lembaga Pengarah Syarikat [sila dapatkan dari laman web AELB di <a href="http://www.aelb.gov.my">www.aelb.gov.my</a> dan sertakan carta organisasi syarikat	/		
5.	Salinan sijil pendaftaran syarikat yang telah disahkan benar oleh SSM (Borang 9)	/		
6.	Surat perakuan pengamal perubatan berdaftar yang diluluskan [sila dapatkan dari laman web AELB di <a href="http://www.aelb.gov.my">www.aelb.gov.my</a> ]	/		
<b>B. Pekerja Sinaran</b>				
1.	Untuk pengiktirafan sebagai Pegawai Perlindungan Sinaran (PPS)/Penyelia (PY), permohonan hendaklah dibuat menggunakan perkhidmatan atas talian dengan memuatnaik:  a) Salinan sijil lulus peperiksaan PPS dari AELB mengikut kategori bidang, sekurang-kurangnya kategori 3. b) Salinan sijil kursus perlindungan sinaran anjuran agensi yang diiktiraf oleh AELB bersama borang log CEP. Bagi pemohon bekas PPS yang tidak aktif dan PPS baru yang belum diiktiraf selepas setahun lulus peperiksaan PPS, sila lampirkan borang log CEP c) Salinan kad pengenalan dan gambar saiz passport d) Bagi bukan warganegara, sertakan salinan permit kerja (Imigresen) dan pasport yang sah. e) Salinan surat pengesahan pemeriksaan perubatan [AELB/BM/5 Seksyen A], tidak melebihi 6 bulan daripada tarikh pemeriksaan.	/		
2.	Untuk pengiktirafan pengendali, sila kemukakan perkara B1(c), B1(d) dan B1(e).	/		
3.	Pengendali sinaran hendaklah tidak bekerja dengan mana-mana pemegang lesen. Sekiranya masih bekerja di syarikat lain, urusan pemberhentian hendaklah dimaklumkan kepada Bahagian Kawalselia Sinaran di Ibu Pejabat/ Cawangan AELB yang berkenaan.	/		
<b>C. Alat Pengesan Sinaran</b>				
1.	Salinan sijil tentukuran alat pengesan sinaran daripada agensi yang diiktiraf oleh AELB.	/	/	/

Bil.	Perkara / Maklumat	Jenis Permohonan Lesen		
		Baru	Pinda	Baharui
2.	Surat pengesahan pembelian alat pengesan sinaran (sekiranya belum ada). Pastikan alat pengesan sinaran sesuai dengan jenis sinaran yang digunakan.	/		
<b>D.</b>	<b>Program Perlindungan Sinaran</b>			
1.	Program Perlindungan Sinaran hendaklah disediakan dan dihantar secara atas talian kepada AELB terlebih dahulu untuk diterimapakai sebelum permohonan lesen dibuat. Program hendaklah mengandungi sekurang-kurangnya maklumat seperti format LEM/TEK/45 (rujuk laman web AELB di <a href="http://www.aelb.gov.my">www.aelb.gov.my</a> ). Program perlu dikemaskini dari semasa ke semasa sekiranya terdapat sebarang perubahan.	/		
<b>E.</b>	<b>Pelan Kecemasan (Kategori Kawalan 1, 2, 3 &amp; 4)</b>			
1.	Pelan Kecemasan hendaklah disediakan dan dihantar secara atas talian kepada AELB terlebih dahulu untuk diterimapakai sebelum permohonan lesen dibuat. Pelan Kecemasan hendaklah mengandungi sekurang-kurangnya maklumat seperti format LEM/TEK/66 (rujuk laman web AELB di <a href="http://www.aelb.gov.my">www.aelb.gov.my</a> ). Pelan Kecemasan perlu dikemaskini dari semasa ke semasa sekiranya terdapat sebarang perubahan.	/	/	
<b>F.</b>	<b>Pelan Sekuriti (Kategori Kawalan 1, 2 &amp; 3)</b>			
1.	Pelan Sekuriti hendaklah disediakan dan dihantar secara atas talian kepada AELB terlebih dahulu untuk diterimapakai sebelum permohonan lesen dibuat. Pelan Sekuriti hendaklah mengandungi sekurang-kurangnya maklumat seperti format LEM/TEK/62 (rujuk laman web AELB di <a href="http://www.aelb.gov.my">www.aelb.gov.my</a> ). Pelan Sekuriti perlu dikemaskini dari semasa ke semasa sekiranya terdapat sebarang perubahan.	/	/	
<b>G.</b>	<b>Status Tindakan Perundangan (Jika berkaitan)</b>			
1.	Pernyataan sama ada syarikat sedang dalam siasatan/tindakan perundangan AELB		/	/
<b>H.</b>	<b>Rekabentuk Tempat Penstoran (Jika berkaitan)</b>			
1.	Permohonan kebenaran membina hendaklah dikemukakan bersama permohonan lesen. ( <a href="http://www.aelb.gov.my">www.aelb.gov.my</a> )	/	/	
2.	Lokasi tempat penstoran (Kemukakan alamat, Pelan lakar kedudukan (sila nyatakan kawasan yang berada berhampiran dengan lokasi tersebut)).	/	/	